

## Malaysia bantu tangani pergolakan selatan Thailand

PUTRAJAYA 23 Mac - Thailand menyifatkan perbincangan yang diadakan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berupaya memperkukuhkan usaha yang telah diambil oleh kedua-dua negara bagi membantu menangani pergolakan di wilayah selatan negara tersebut.

Menteri Luarnya, Nitya Pibulsonggram berkata, beberapa bentuk kerjasama yang telah dibincangkan sebelum ini memabitkan aspek pendidikan, budaya dan sosial yang perlu dipelajari serta dicontohi daripada Malaysia sangat membantu.

Beliau berkata, pihaknya telah membangkitkan banyak perkara mengenai kerjasama itu untuk diteliti secara lebih terperinci.

"Saya gembira dapat bertemu Perdana Menteri Malaysia dan kami telah mengadakan perbincangan dan memperoleh pandangan yang menarik mengenai butiran kerjasama pada masa depan bagi memperkukuhkan usaha-usaha melibatkan wilayah selatan Thailand yang kerajaan kami masih menghadapi kesukaran untuk menanganinya," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Abdullah selama kira-kira dua jam di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini, hari ini.

Semalam, beliau bertemu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Malaysia dilaporkan bersetuju menyediakan langkah penyelesaian bagi membantu Thailand melalui aspek sosioekonomi tetapi tidak akan bertindak sebagai orang tengah bagi menamatkan pergolakan itu.

Pibulsonggram berkata, usaha-usaha telah dilakukan bagi memahami dengan lebih baik masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di selatan Thailand dan memberikan mereka lebih banyak peluang untuk menangani pelbagai kekurangan yang sedang dihadapi.

Ditanya mengenai siri keganasan yang semakin meningkat di wilayah selatan negara itu, beliau menyatakan, pemerintah Thailand berjaya menanganinya.

"Beberapa perbincangan yang telah diadakan di Kuala Lumpur akan menampung sebarang kekurangan yang ada," katanya.